

MALAYSIA-JEPUN BERGERAK KE ARAH PERKONGSIAN EKONOMI “SALING BERPANDANGAN”

Mohd Ikbal Mohd Huda
Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pusat Kajian Malaysia
Soka University

Sugimoto Ichiro
Faculty of International Liberal Arts
Soka University

Pusat Kajian Malaysia
Soka University

Asmadi Hassan
Jabatan Pengajian Asia Timur
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya

Pada 31 Ogos 2026, hubungan Malaysia-Jepun mencapai usia 69 tahun, menandakan hampir tujuh dekad kerjasama diplomatik, ekonomi dan pembangunan yang terus berkembang. Tempoh tersebut mencerminkan hubungan dua hala yang bukan sahaja berasaskan kepentingan perdagangan dan pelaburan, malah turut merangkumi pemindahan teknologi, pembangunan modal insan, inovasi serta kerjasama strategik dalam menghadapi cabaran ekonomi global.

Hubungan ekonomi Malaysia-Jepun telah mengalami transformasi besar daripada hubungan berasaskan bantuan pembangunan dan pelaburan langsung asing kepada suatu bentuk perkongsian strategik yang lebih kompleks dan saling bergantung.

Hubungan awal yang melihat Jepun sebagai sumber modal, teknologi dan bantuan, manakala Malaysia sebagai penerima pelaburan atau lokasi pengeluaran, kini berubah kepada hubungan “saling berpandangan” atas faktor kepentingan bersama melalui jaringan industri, inovasi teknologi dan pembangunan modal insan.

Dalam era kontemporari, hubungan ekonomi kedua-dua negara memasuki fasa baharu yang dicorakkan oleh tiga perubahan utama. Pertama, kemunculan Asia Timur sebagai pusat utama rantai nilai global telah mengubah sifat hubungan ekonomi antarabangsa. Kedua, transformasi digital, ekonomi hijau dan keperluan membina rantai bekalan yang lebih berdaya tahan telah memperluaskan bidang kerjasama Malaysia-Jepun. Ketiga, kerjasama ekonomi serantau melalui Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) membuka ruang baharu kepada integrasi ekonomi yang lebih signifikan.

Memasuki abad ke-21, hubungan ekonomi Malaysia-Jepun mengalami transformasi daripada model berasaskan pelaburan langsung asing kepada bentuk kerjasama yang lebih kompleks melalui integrasi rantai bekalan serantau dan global.

Jepun membawa kepakaran teknologi, sistem pengurusan dan jaringan korporat global, manakala Malaysia menyediakan lokasi strategik, tenaga kerja, kemudahan industri serta akses kepada pasaran ASEAN. Gabungan faktor ini membentuk satu bentuk mutual engagement yang memperkukuh kepentingan bersama kedua-dua negara.

Dalam sektor semikonduktor, hubungan industri Malaysia-Jepun semakin signifikan apabila perubahan geopolitik dan gangguan rantai bekalan mendorong syarikat global mempelbagaikan lokasi pengeluaran. Malaysia mempunyai pengalaman lebih empat dekad dalam industri elektronik, khususnya dalam aktiviti pemasangan yang menjadi aset strategik dalam usaha menarik pelaburan berteknologi tinggi.

Nilai perdagangan dua hala Malaysia-Jepun melebihi USD40 bilion pada 2025, manakala pelaburan baharu semakin tertumpu kepada teknologi hijau, pendigitalan industri dan keselamatan rantai bekalan.

Pandemik COVID-19, ketegangan geopolitik dan tekanan perdagangan global menunjukkan bahawa kecekapan kos sahaja tidak lagi mencukupi. Negara dan syarikat kini memberi perhatian kepada aspek ketahanan, keselamatan bekalan dan kepelbagaian lokasi pengeluaran.

Dalam konteks ini, Malaysia mempunyai peluang strategik untuk menjadi rakan penting Jepun dalam membina rantai bekalan Asia yang lebih berdaya tahan, khususnya dalam sektor semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui, ekonomi digital dan teknologi hijau.

Menjelang ulang tahun ke-69 hubungan Malaysia-Jepun pada 31 Ogos 2026, kedua-dua negara mempunyai asas kukuh untuk memperluas kerjasama kepada bidang baharu yang mempunyai nilai tambah tinggi. Hubungan yang dibina sejak 1957 itu perlu terus diperkukuh melalui kerjasama kerajaan, sektor swasta, institusi pendidikan dan pusat penyelidikan.

Secara keseluruhannya, pengalaman hubungan ekonomi Malaysia-Jepun menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi dalam era globalisasi bukan semata-mata bergantung kepada modal asing, tetapi kepada keupayaan membina jaringan kerjasama yang menghasilkan nilai bersama. Pencapaian 69 tahun hubungan dua hala menjadi asas penting untuk membentuk perkongsian ekonomi yang lebih seimbang, berdaya tahan dan berorientasikan masa depan.